

CNSR447

U PR 25-05 00165 RA953

RAH

Mahathir - UMNO

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- UMNO tidak akan tergopoh-gapah dalam perjuangannya di Sabah kerana rancangan jangka panjangnya ialah untuk mendapatkan sokongan dan keanggotaan yang tulen daripada penduduk di negeri itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Presiden UMNO itu berkata, UMNO perlu menerangkan kepada rakyat di Sabah tentang matlamat parti agar sokongan dan keanggotaan yang diperolehi kelak adalah daripada mereka yang benar-benar memahami perjuangannya.

+UMNO bukan semata-mata mahu menguasai kerajaan negeri tetapi kerana percaya UMNO boleh membawa kebaikan kepada rakyat Sabah keseluruhannya, khususnya kepada mereka yang menyokong UMNO,+ katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di ibu pejabat parti di sini.

Perdana Menteri berkata, UMNO akan meneruskan usaha untuk memenangi hati rakyat Sabah seperti biasa walaupun selepas memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Usukan baru-baru ini.

+Kita tidak akan tergopoh-gopoh dalam perkara ini kerana kita mempunyai rancangan jangka panjang,+ katanya. -- Lagi.

♥25/05/15-10MST

CNSR451

U PR 25-05 00123 RA956

RAH

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya sama ada beliau akan melantik seorang wakil dari Sabah untuk menganggotai Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perkara itu akan diputuskan apabila tiba masanya kelak.

Menurutnya, sekiranya Perlembagaan parti membenarkan, UMNO akan melantik seorang wakil dari Sabah untuk menganggotai Majlis Tertinggi itu.

Perdana Menteri juga berkata, Majlis Tertinggi hari ini membincangkan mengenai peranan parti bagi memastikan pencapaian matlamat Wawasan 2020 dan cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (RARE).

Katanya, beliau menerangkan kepada anggota Majlis mengenai persetujuan Kabinet dalam mesyuarat di Kuching Rabu lepas berhubung Rangka Rancangan Jangka Panjang negara.

Beliau berkata, Majlis Tertinggi memberi sokongan penuh terhadap kedua-dua rancangan itu. -- Bernama.

♥25/05/15-21MST